

UEM Edgenta Rekod Hasil RM2 Bilion dan Isytihar Dividen 2 sen

KUALA LUMPUR, 29 Februari 2024 - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, melaporkan penyampaian hasil yang lebih baik bernilai 14.1% untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (“FY2023”), berbanding RM2.5 bilion pada tahun sebelumnya (“FY2022”) sekaligus mengisyiharkan dividen interim satu peringkat sebanyak 2 sen sesaham biasa untuk FY2023.

Berdepan dengan tekanan inflasi global dan peningkatan kos operasi, keuntungan syarikat menjadi sederhana, menghasilkan keuntungan selepas cukai FY2023 sebanyak RM30.1 juta, penurunan sebanyak 34.1% berbanding RM45.7 juta pada FY2022.

Pada suku keempat tahun fiskal 2023, UEM Edgenta melaporkan hasil sebanyak RM806.9 juta, peningkatan daripada pendapatan suku sebelumnya sebanyak RM710.5 juta. Walau bagaimanapun, keuntungan bersih susut sebanyak 92.9% suku-ke-suku rentetan daripada cabaran yang didorong tekanan inflasi, berbanding keuntungan sebanyak RM21.0 juta pada suku sebelumnya. Meskipun mengalami kemerosotan keuntungan, UEM Edgenta mengekalkan kedudukan kewangan yang sihat, dengan nisbah penggearan rendah sebanyak 0.3 kali dan tunai serta baki bank berjumlah RM644.2 juta pada 31 Disember 2023, menunjukkan kestabilan dan kecairan kewangan.

Mempertimbangkan keadaan pasaran semasa, sentimen, dan prestasi suku tahunan terkini Syarikat, Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, UEM Edgenta menyatakan, "Pada tahun 2023, UEM Edgenta menunjukkan pertumbuhan hasil teguh, yang tertinggi di dalam enam (6) tahun, didorong oleh kadar pembaharuan kontrak yang tinggi dan pesanan kerja (*workorder*) yang direalisasikan daripada perolehan kontrak tahun ke tahun yang kukuh dengan sumbangan hasil sulung daripada Arab Saudi, disokong oleh pengukuhan SGD. Rentetan daripada inflasi penolakan kos serta peningkatan berterusan kos bahan mentah dan buruh yang memberi kesan secara langsung kepada struktur kos kami serta kesan aliran daripada peningkatan kos subkontraktor/vendor, margin keuntungan disederhanakan merentas perniagaan. Sebahagian daripada impak ini telahpun dikurangkan melalui strategi kepelbagaian portfolio pelbagai sektor, kepelbagaian geografi kami, disokong oleh penjimatan yang dipacu melalui pengurusan kos yang ketat, inisiatif kecekapan operasi dan mengoptimumkan pengurusan rantaian bekalan. Semasa kami mengharungi cabaran-cabaran ini, kami terus kekal teguh dalam melaksanakan strategi jangka panjang kami yang disokong oleh EOTF 2025, dipacu oleh pelaburan dalam teknologi dan pasaran baharu serta mengoptimumkan cara kami beroperasi."

"Kemajuan yang ketara telah direalisasikan dalam pelaksanakan teknologi, kemampunan dan pangsi (*pivot*) pasaran melalui perbezaan dalam keupayaan pelaksanaan, reputasi dalam menegakkan piawaian kualiti antarabangsa dan hubungan pelanggan yang baik, Syarikat kekal komited untuk meningkatkan kecekapan dan memacu keuntungan yang mampan," tambah Syahrunizam.

2023 dalam Tinjauan: Mengemudi Pertumbuhan dan Inovasi

Memasuki tahun 2024, UEM Edgenta meraikan tahun pencapaian-pencapaian penting dan kemajuan strategik dalam pelbagai bidang. Di dalam negara, komitmen kami terhadap inovasi dan kemampunan menjadikan OPUS sebagai peneraju dalam mempromosikan penyelesaian kemampunan dalam persekitaran terbina. Kejayaan kami juga meliputi mendapatkan kontrak jangka panjang untuk jalan-jalan negeri dan luar bandar di negeri Selangor, Johor dan Sarawak, yang mermperekukuh komitmen kami terhadap pembangunan infrastruktur di Malaysia. Selain itu, pelancaran *Net Zero Targets* menunjukkan komitmen kami terhadap tanggungjawab alam sekitar, dengan matlamat ditetapkan untuk mengurangkan pelepasan GHG pengoperasian sebanyak 26% menjelang 2030 dan mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

Di peringkat antarabangsa seperti pasaran matang di Singapura dan Taiwan, strategi kepelbagaian kami melangkaui perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan. Dengan memanfaatkan reputasi kukuh dan rekod prestasi, kami sedang mempergiatkan usaha untuk meneroka peluang dalam sektor pembuatan dan perhotelan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan. Dalam pasaran Timur Tengah yang dinamik, kami mengiktiraf potensi ketara yang didorong oleh pertumbuhan pesat dan peluang yang belum diterokai, terutamanya dalam pembangunan bandar pintar yang membangun; mengutamakan perkhidmatan pengurusan kemudahan untuk memanfaatkan peluang ini. UEM Edgenta mengembangkan jejaknya di Timur Tengah dengan pemerolhan baru-baru ini, meningkatkan lagi platform perkhidmatan harta tanah kami dan mengembangkan pangkalan pelanggan kami.

UEM Edgenta telah mencapai 82% daripada sasaran penjimatan RM100 juta untuk EoTF 2025, dengan 43% daripada kontrak baharunya dikaitkan dengan strategi dipacu teknologi, menonjolkan daya tahan dan inovasinya dalam menghadapi cabaran industri. Dengan menumpukan kepada daya tahan strategik, peralihan syarikat ke arah kepimpinan global dalam pengurusan aset jangka panjang dan tumpuannya pada pasaran yang menghargai kepakaran ini mencerminkan kebolehsuaianya. Walaupun menghadapi cabaran, komitmen UEM Edgenta terhadap kecemerlangan pelaksanaan, piawaian antarabangsa dan hubungan pelanggan yang kukuh telah mengukuhkan kedudukan industrinya. Dengan memfokuskan pada daya tahan strategik, kemajuan teknologi dan pembangunan bakat, UEM Edgenta menyasarkan pertumbuhan yang mampan, memanfaatkan kehadiran globalnya untuk mengatasi halangan, memanfaatkan peluang dan memastikan penciptaan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan.

Untuk maklumat lanjut tentang UEM Edgenta dan inisiatifnya yang lain, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatihah, Ketua, Komunikasi Korporat (wamlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Media (alibaizuri@edgenta.com)